



---

## **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**23 MEI 2023 (SELASA)**



---

## **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**23 MEI 2023 (SELASA)**

PENIMBANG ELEKTRONIK JADI PENGGANTI

# Alat timbang neraca dimansuh setahun lagi

Putrajaya

Kerajaan akan memansuhkan penggunaan alat timbang neraca sepenuhnya dalam tempoh setahun dari sekarang dan akan digantikan dengan alat penimbang elektronik, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Beliau berkata, pihaknya akan mengadakan sesi libat ular bersama pemain industri dan pihak penguasa berhubung keputusan kerajaan berkenaan.

"Pada masa ini, hanya 25 peratus alat timbang elektronik digunakan di seluruh negara dan KPDN turut merancang mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pelbagai pihak, bagi mengatasi isu berkaitan timbang dan sukat ini," katanya selepas merasmikan Sambutan Hari Metrologi Sedunia di sini, kelmarin.



SALAHUDDIN (dua dari kiri) melihat peralatan penimbang pada Majlis Sambutan Hari Metrologi 2023.

Salahuddin berkata, dalam proses melaksanakan penggunaan penimbang baharu itu, kerajaan akan turut memberi perhatian terhadap isu berkaitan kecukupan bekalan dan harga alat berkefaaan bagi memberi masa kepada peniaga mendapatkan alat timbang itu.

Beliau berkata, KPDN menerusi penyelidikan dan melantik beberapa syarikat untuk membekalkan alat penimbang elektronik berkenaan.

Sempena Hari Metrologi itu, pengajur sambutan berkenaan De Metrology Sdn

Bhd menerima sijil pengiktirafan *Malaysia Book of Records* sebagai *Most Measuring Instruments* kerana mencatat 3,197 jumlah verifikasi alat timbang dan sukat iaitu paling banyak dalam tempoh sehari pada 16 Mei lalu. - Bernama

# Tiada kenaikan harga barang kawalan

Kementerian Perdagangan-Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) menegaskan harga barang asas yang dikawal kerajaan tidak meningkat, meskipun timbul dakwaan mengenai kenaikan harga yang dibuat sebelumnya.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata pemantauan sentiasa dilakukan penguat kuasa KPDN untuk memastikan harga barang kawalan berada pada atau di bawah paras ditetapkan, selain meneliti secara terperinci aduan yang diterima.

"Jika dikatakan ada kenaikan mendadak bagi barang asas, itu tidak benar sama sekali. Kita mengawal 43 jenis barang kawalan, 11 harga kita kawal dan satu pun tidak naik."

"Sebagai contoh barang yang kita kawal, minyak bersubsidi tidak naik (harga) dan yang lima kilogram kemasan, kita hadkan pada RM30.90, (itu pun) tidak naik."

"Harga beras tidak naik dan

kalau beras putih basmathi itu, perlu dibayarlah (pada harga tinggi) sebab kita tidak kawal. Harga RON95 itu terkawal."

"Apa lagi barang yang menjadi keperluan asas, tidak naik kerana 43 barang ini memang kita kawal dan sesiapa yang naikkan harga akan berdepan tindakan," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Rodiyah Sapiee (GPS-Batang Sadong) mengenai berlaku kenaikan harga barang di pasaran kerana peniaga terpaksa menaikkan harga berikutan pembekal menjual pada harga yang tinggi.

Menjawab dakwaan Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu) mengenai kenyataan harga barang asas tidak meningkat sebagai tidak berpijak di bumi nyata, Salahuddin berkata, semua fakta itu diperoleh daripada penguat kuasa KPDN yang turun ke lapangan.

Beliau mengakui kemungkin-



Salahuddin pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

nan ada kenaikan pada harga barang yang diolah atau dimasak, namun tidak bagi barang asas yang dikawal.

"Jadi, atas apa pun hujah yang diberikan kepada kementerian, semua barang kawalan yang kita senaraikan dan war-

takan tetap tidak naik dan rakyat boleh beli dengan harga yang ditetapkan."

"Pada masa sama, dengan jualan Rahmah di pasar raya, rakyat boleh berjimat lagi. Itu komitmen yang kita berikan," katanya.

## Lewat agihan punca gangguan bekalan gula

**KUALA LUMPUR** - Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub memaklumkan masalah bekalan gula di Kedah berjaya dipulihkan menerusi operasi bersepadu Ops Manis yang dijalankan.

Beliau berkata, sejumilah 176 pegawai penguasa telah digerakkan bagi melakukan pemeriksaan ke atas 214 premis termasuk pemborong dan peruncit selain satu pemeriksaan di kilang pengeluaran.

Tambah beliau, setakat 20 Mei, bekalan gula yang dihasilkan dua syarikat pengeluar utama mencapai 796.721 metrik tan untuk negeri tersebut.

"Alhamdulillah,, saya ingin mengumumkan berdasarkan laporan penguasa kita memberitahu bahawa bekalan gula di Kedah dapat diatasi sepenuhnya.

"Walaupun ada aduan, KPDN (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup) bergerak pantas dan pulihkan sepenuhnya.

Setakat ini, di Kedah bekalan gula telah pulih sepenuhnya.

"Oleh itu kita harap tidak berlaku pembelian panik. Sekiranya ada aduan, saya harap dapat segera dilapor-



SALAHUDDIN

kan kepada pihak KPDN," katanya.

Beliau turut memaklumkan, punca gangguan bekalan gula adalah disebabkan lewatkan agihan bekalan.

Tambahnya, terdapat empat lokasi Jualan Rahmah di Kedah bagi memulihkan bekalan gula iaitu di Pasaraya Ban Eng Huat (Gurun), Pasaraya Kawan Kita (Sik), Pasaraya Kawan Kita (Gurun) dan Pasaraya Kawan Kita (Ambangan Height).

"Harga bagi setiap 2 kilogram gula ditetapkan pada kadar RM5," ujarnya.

## Peniaga jual 3kg gula RM11 dikompaun RM500

**KUBANG PASU** - Seorang pemilik premis perniagaan di kawasan Tunjang, dekat sini dikompaun RM500 pada Isnin kerana menjual gula melebihi harga maksimum.

Pengarah Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah, Affendi Rajini Kanth berkata, peniaga tersebut telah menawarkan dan menjual gula pasir putih bertapis kasar pada harga RM11 bagi 3 kilogram (kg).

Menurutnya, harga maksimum yang ditetapkan bagi barang harga terkawal sebanyak RM2.77 bagi harga borong dan harga runcit RM2.85 bagi satu kg gula pasir putih bertapis kasar.


"Tindakan terhadap kes ini telah diambil dengan mengeluarkan kompaun sebanyak RM500 dan telah berjaya dijelaskan," kata Affendi.

Jelasnya, premis perniagaan berkenaan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 11 Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011 iaitu Pelanggaran Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penetapan Harga Maksimum) bagi gula pasir bertapis kasar dan halus.



Anggota KPDN Kedah melakukan serbuan di sebuah kedai di kawasan Tunjang di Kubang Pasu kerana menjual gula pasir putih bertapis kasar melebihi harga maksimum.

HARI : SELASA  
TARIKH : 23/5/2023  
M/SURAT : 1



# Govt determined to keep price of sugar reasonable

**KUALA LUMPUR:** Although the country is facing a crisis with the two largest sugar manufacturers, namely Central Sugar Refinery Sdn Bhd and MSM Malaysia Holdings Bhd, the government has refrained from raising the price of sugar as of yesterday.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said the government is trying to find the best mechanism to deal with the issue.

"No matter how much raw materials and natural gas (prices) go up, we (the government) will always try to find the best way so that the people can still buy sugar at a price that we control and the people don't have to pay more for sugar," he said during question and

Efforts ongoing to ensure people do not have to pay more despite rise in raw material and natural gas prices, says minister

answer session at the Dewan Rakyat yesterday.

He was replying to Rodiyah Sapree (GPS-Batang Sadong) about the reality of the current situation, which has seen a decrease in buying power among consumers during the fasting month and the recent Aidilfitri celebration, where the prices of basic goods have risen significantly. Bernama reported.

Salahuddin also refuted claims that prices of basic ingredients

nationwide have risen sharply, including sugar.

He explained that the Domestic Trade and Cost of Living Ministry is monitoring 43 types of controlled goods such as cooking oil, rice and RON 95 petrol.

Meanwhile, he said consumer purchasing power has increased in the past six months and is proven by the growth of gross domestic product in the first quarter of this year, which recorded a growth of

5.6%, driven by strong domestic demand.

"The achievement was also able to combat the rate of inflation for cooked food, which dropped from 9.6% to 9.3%, due to various efforts initiated under the Payung Rahmah initiative by the ministry to improve the purchasing power of the people," he said.

He added that the ministry has implemented Rahmah Sales in 3,500 locations and 120 parliamentary constituencies throughout the country, recording a sales value of RM52.6 million currently.

According to him, about 14,000 basic items needed by housewives have been given discounts of 3% to 50%.

## Geng seludup petrol bergerak berkumpulan jam 4 pagi



SEBANYAK 40 tong berisi 1,000 liter petrol dianggarkan bermilai RM2,050 ditemukan dalam sebuah kendaraan di Tanjong Chat.

**Kota Bharu:** Bergerak se-rentak dalam kumpulan ser-ta memilih waktu awal pagi untuk membawa petrol ke pangkalan haram dikesan menjadi taktik sekumpulan penyeludup.

Dalam Op Pencegahan Ke-tirisan Barang Kawalan yang dijalankan di sini, kelmarin, enam kereta dipercayai sin-diket penyeludup petrol di-kesan dari arah Tumpat menghala ke Kota Bharu pada jam 4 pagi sebelum berpecah.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN)

Kelantan Azman Ismail ber-kata, kenderaan terbabit menghala ke beberapa stes-en minyak yang disasarkan di sekitar Kota Bharu untuk membuat pengisian bahan kawalan itu.

"Bagaimanapun sebuah daripadanya ditahan di Tan-jong Chat pada jam 6.10 pagi ketika diparkir di kawasan semak dipercayai me-nunggu rakan lain kembali ke Tumpat.

"Hasil pe-meriksaan dalam ken-deraan itu

menemui 40 tong plastik mengandungi 1,000 liter petrol dianggarkan bermilai RM2,050.

"Kami percaya mereka bergerak serentak untuk ke pangkalan haram di Peng-kalan Kubor bagi tujuan pe-nyelewengan terhadap ba-rang kawalan itu," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, kes disiasat mengik-ut Akta Kawawa-lan Bekalan 1961.

Azman berkata, pihaknya

juga mengenal pasti lima la-gi pemilik kenderaan yang lolos dan siasatan memba-bitkan pemilik stesen mi-nyak bagi memastikan sama ada mereka bersabahat atau tidak.

"Kami beri amaran kepada mana-mana individu yang menjalankan aktiviti ini ke-rana tindakan tegas diambil tanpa kompromi.

"Kami sentiasa memper-giatkan usaha dengan me-ngadakan Op Tiris di be-berapa stesen minyak di se-kitar 50 kilometer dari sem-padan negara dari semasa ke semasa," katanya.

**KPDN Kelantan**  
mengenal pasti lima lagi pemilik kenderaan yang lolos

# Tiga warga Thailand didenda RM85,000

Kesemua tertuduh mengaku bersalah seludup keluar diesel di Bukit Kayu Hitam April lalu

Oleh WAN MOHD NOOR  
 HAFIZ WAN MANSOR  
 ALOR SETAR

Tiga lelaki warga Thailand didenda Mahkamah Sesyen Alor Setar pada Isnin selepas masing-masing mengaku bersalah menyeludup minyak diesel bersubsidi dari negara ini ke Thailand di Bukit Kayu Hitam pada April lalu.

Sakda Thaenkeson, 24, didenda sebanyak RM27,000; Kittisak Thongluean, 37, didenda RM30,000 dan Phanuphong Yava, 23, pula didenda RM28,000 oleh Hakim Jean Sharmila Jesudason.

Jika gagal bayar, mahkamah memerintahkan ketiga-tiganya menjalani hukuman penjara masing-masing tujuh bulan serta lapan bulan dengan pertuduhan dibacakan jurubahasa dalam bahasa Thailand.

Berdasarkan pertuduhan, Sakda meletakkan bahan api diesel dalam tangki kenderaan Toyota Hilux bagi tujuan dibawa keluar dari Malaysia melalui darat yang melebihi kuantiti berjumlah 53 liter dalam tangki kenderaan itu untuk ke Thailand.

Dia didakwa melakukannya di Lorong 2, Pos Imigresen Bukit Kayu Hitam di Kompleks Imigresen,



Ketiga-tiga warga Thailand dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Alor Setar pada Isnin selepas mengaku bersalah menyeludup diesel.

Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam dekat Kubang Pasu, jam 11 pagi pada 11 April lalu.

Kittisak pula dituduh melakukan perbuatan sama dalam kenderaan Isuzu Dmax yang juga melebihi kuantiti iaitu berjumlah 72 liter di ICQS Bukit Kayu Hitam, jam 11.50 pagi pada 13 April lalu.

Seorang lagi tertuduh, Phanuphong dituduh melakukan perbuatan sama dalam kenderaan Chevrolet Colorado yang melebihi kuantiti iaitu berjumlah 61 liter di Lorong 2, Pos Imigresen Bukit Kayu Hitam di ICQS Bukit Kayu Hitam, jam 11 pagi pada 11 April lalu.

Mereka didakwa mengikut Subperaturan 3(1) Peraturan-Peraturan

Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011 dan boleh dihukum di bawah Perenggan 5(a) peraturan sama.

Dalam pada itu, mahkamah memerintahkan ketiga-tiga kenderaan bersama diesel yang dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah dan kemudiannya dijual masing-masing dengan hasil jualan RM113.95, RM154.80 dan RM131.15 dilucutkan hak kepada kerajaan Malaysia.

Pendakwaan kes telah dikendalikan Pegawai Pendakwa KPDN, Mohamad Hezrin Abdul Wahab dan Muhamad Saiful Saaidin.

Kittisak diwakili peguam Mohd Khairul Hafizuddin Ramli manakala dua lagi tertuduh tidak diwakili peguam.

## Peniaga diminta jujur, jangan tipu gred telur omega

**JOHOR BAHRU** – Peniaga yang menjual produk telur disaran untuk berniaga dengan jujur berhubung penjualan telur ayam mengikut gred sebenar dan tidak mengambil kesempatan mengambil keuntungan dengan mengelirukan pengguna.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Johor, Lee Ting Han berkata, hal itu kerana gred telur dan juga telur omega sukar dibezakan secara pandangan mata kasar.

Bagaimanapun, katanya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor masih belum menerima sebarang aduan berhubung penjualan telur ayam segar mengikut harga gred lain

atau harga telur omega, setakat ini.

"Sukar membezakan telur ayam segar dan telur ayam omega kerana mempunyai warna dan gred yang hampir sama. Telur ayam omega juga mempunyai gred A, B dan C tetapi harganya lebih mahal berbanding telur ayam segar yang harganya dikawal kerajaan.

"Telur ini hanya dapat dibezakan menerusi warna kuning telur yang lebih pekat. Dari segi luaran ia hampir sama. Selain pek 10 biji dan 15 biji, telur omega juga mempunyai pek 30 biji seapan.

"Oleh itu, kita menggesa peniaga telur di negeri ini untuk berniaga secara jujur dan tidak mengambil sebarang kesempatan," jelasnya.



**TELUR omega dan telur ayam standard sukar dibezakan dengan mata kasar.** – GAMBAR HIASAN



---

---

## **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

---

**23 MEI 2023 (SELASA)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 23 MEI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
23-May	[LANGSUNG] Sidang media Menteri KPDN   22 Mei 2023 di parlimen	<a href="https://www.youtube.com/live/i1wTsOcgp30?feature=share">https://www.youtube.com/live/i1wTsOcgp30?feature=share</a>	ASTROAWANI
23-May	Kerajaan usaha pastikan harga gula terkawal	<a href="https://selangorkini.my/2023/05/menteri-kuasa-beli-pengguna-naik-dalam-tempoh-enam-bulan/">https://selangorkini.my/2023/05/menteri-kuasa-beli-pengguna-naik-dalam-tempoh-enam-bulan/</a>	SELANGORKINI
23-May	Menteri: Kuasa beli pengguna naik dalam tempoh enam bulan	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2191084">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2191084</a>	BERNAMA
23-May	Harga gula terkawal, kuasa beli rakyat meningkat - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-usaha-pastikan-harga-gula-terkawal-kuasa-beli-rakyat-meningkat-salahuddin-420596%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-usaha-pastikan-harga-gula-terkawal-kuasa-beli-rakyat-meningkat-salahuddin-420596%3famp=1</a>	ASTROAWANI
23-May	'Mana ada harga barang naik', tegas menteri	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/22/mana-ada-harga-barang-naik-tegas-menteri/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/22/mana-ada-harga-barang-naik-tegas-menteri/</a>	FMT
23-May	KPDN kesan pemilik akaun media sosial dakwa tiket Coldplay dijual harga tak munasabah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1104522/kpdn-kesan-pemilik-akaun-media-sosial-dakwa-tiket-coldplay-dijual">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1104522/kpdn-kesan-pemilik-akaun-media-sosial-dakwa-tiket-coldplay-dijual</a>	BH
23-May	Masih tiada aduan rasmi harga tiket Coldplay mahal - KPDN	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/259699">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/259699</a>	SH
23-May	Ministries to hold meeting to resolve Coldplay tickets issue, says Salahudin	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/22/ministries-to-hold-meeting-to-resolve-coldplay-tickets-issue-says-salahuddin">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/22/ministries-to-hold-meeting-to-resolve-coldplay-tickets-issue-says-salahuddin</a>	THESTAR
23-May	'Harga barang tak naik fakta, bukan tak berpijak di bumi nyata' - Salahudin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1104464/harga-barang-tak-naik-fakta-bukan-tak-berpijak-di-bumi-nyata">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1104464/harga-barang-tak-naik-fakta-bukan-tak-berpijak-di-bumi-nyata</a>	BH

23-May	'Harga barang tak naik fakta, bukan tak berpijak di bumi nyata' - Salahudin	<a href="https://youtu.be/qZSc-q9Cew4">https://youtu.be/qZSc-q9Cew4</a>	BH
23-May	No complaints on price hikes during recent festive seasons, says domestic trade minister	<a href="https://www.malaysianow.com/news/2023/05/22/no-complaints-on-price-hikes-during-recent-festive-seasons-says-domestic-trade-minister">https://www.malaysianow.com/news/2023/05/22/no-complaints-on-price-hikes-during-recent-festive-seasons-says-domestic-trade-minister</a>	MALAYSIANOW
23-May	Gerak awal pagi taktik penyeludup petrol	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/969523/gerak-awal-pagi-taktik-penyeludup-petrol">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/969523/gerak-awal-pagi-taktik-penyeludup-petrol</a>	HM
23-May	Penyeludup lari tinggal kereta bawa 40 tong petrol	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/22/penyeludup-lari-tinggal-kereta-bawa-40-tong-petrol-2/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/22/penyeludup-lari-tinggal-kereta-bawa-40-tong-petrol-2/</a>	KOSMO
23-May	'Gula ada, hanya gangguan bekalan runcit'	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1104645/gula-ada-hanya-gangguan-bekalan-runcit">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1104645/gula-ada-hanya-gangguan-bekalan-runcit</a>	BH
23-May	Bekalan gula di P. Pinang hanya kurang di kedai runcit – KPDN	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/05/22/bekalan-gula-di-p-pinang-hanya-kurang-di-kedai-runcit-kpdn/">https://malaysiagazette.com/2023/05/22/bekalan-gula-di-p-pinang-hanya-kurang-di-kedai-runcit-kpdn/</a>	MALAYSIAGAZETTE
23-May	Jangan sorok gula – Salahuddin	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/05/22/jangan-sorok-gula-salahuddin/">https://malaysiagazette.com/2023/05/22/jangan-sorok-gula-salahuddin/</a>	MALAYSIAGAZETTE
23-May	Bekalan gula di Kedah pulih, harga ditetapkan RM5 untuk 2kg - Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/bekalan-gula-di-kedah-pulih-harga-ditetapkan-rm5-untuk-2kg-salahuddin-420656%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/bekalan-gula-di-kedah-pulih-harga-ditetapkan-rm5-untuk-2kg-salahuddin-420656%3famp=1</a>	ASTROAWANI
23-May	csr,msm CRISIS: Govt seeks mechanism to avoid raising sugar price	<a href="https://www.thesundaily.my/local/csr-msm-crisis-govt-seeks-mechanism-to-avoid-raising-sugar-price-OA11005496">https://www.thesundaily.my/local/csr-msm-crisis-govt-seeks-mechanism-to-avoid-raising-sugar-price-OA11005496</a>	THESUNDAILY
23-May	Salahuddin Ayub to announce plan for sugar supply on May 25	<a href="https://theedgemalaysia.com/node/667962">https://theedgemalaysia.com/node/667962</a>	THEEDGE MARKETS

23-May	csr,msm CRISIS: Govt seeks mechanism to avoid raising sugar price	<a href="https://bernama.com/en/news.php?id=2191175">https://bernama.com/en/news.php?id=2191175</a>	BERNAMA
23-May	Peniaga dikompaun RM500, jual gula RM11 untuk 3kg	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/259758">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/259758</a>	SH
23-May	Gagal kemuka resit, syarikat pengurusan kediaman dikompaun	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/259761">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/259761</a>	SH
23-May	Company compounded RM2,000 for not giving maintenance fee receipt	<a href="https://themalaysianreserve.com/2023/05/22/company-compounded-rm2000-for-not-giving-maintenance-fee-receipt/">https://themalaysianreserve.com/2023/05/22/company-compounded-rm2000-for-not-giving-maintenance-fee-receipt/</a>	THEMALAYSIANRESERVE
23-May	Syarikat pengurusan bangunan dikompaun RM2,000 gagal kemuka resit	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2191281">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2191281</a>	BERNAMA
23-May	Company compounded RM2,000 for not giving maintenance fee receipt	<a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2191298">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2191298</a>	BERNAMA
23-May	KPDN Perak rampas 750 liter diesel bersubsidi cuba diseleweng	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/22/kpdn-perak-rampas-750-liter-diesel-bersubsidi-cuba-diseleweng/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/22/kpdn-perak-rampas-750-liter-diesel-bersubsidi-cuba-diseleweng/</a>	KOSMO
23-May	Man detained in Inanam, 2,200 litres of diesel seized	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/22/man-detained-in-inanam-2200-litres-of-diesel-seized">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/22/man-detained-in-inanam-2200-litres-of-diesel-seized</a>	THESTAR
23-May	3 warga Thailand seludup keluar diesel didenda	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/443911">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/443911</a>	THEMALAYSIANINSIGHT
23-May	Seludup diesel: Tiga lelaki warga Thailand didenda	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/seludup-diesel-tiga-lelaki-warga-thailand-didenda-420625%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/seludup-diesel-tiga-lelaki-warga-thailand-didenda-420625%3famp=1</a>	ASTROAWANI
23-May	Ulat tiket konsert Coldplay: KPDN mesyuarat dengan KKD petang ini	<a href="https://youtu.be/4ZaoFuCoofo">https://youtu.be/4ZaoFuCoofo</a>	KiniTV